

07/03/1997

Agong hadir mesyuarat

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar berangkat menghadiri mesyuarat ke-175 Majlis Raja-Raja di Istana Negara di sini, diiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mesyuarat yang bermula semalam itu berakhir semalam.

Semua sultan dan Yang Dipertua Negeri berangkat hadir, kecuali Sultan Selangor yang diwakili Raja Muda Tengku Idris Shah; Sultan Pahang diwakili Tengku Mahkota Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah; Sultan Johor diwakili Tengku Mahkota Tengku Ibrahim Ismail dan Sultan Kelantan diwakili Tengku Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz. - Bernama

(END)